

COVID-19 tidak jejas pengambilan penjawat awam

Georgetown: Proses pengambilan penjawat awam melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) tetap berjalan seperti biasa, walaupun negara berdepan tekanan ekonomi akibat pandemik COVID-19.

Malah, penekanan pengambilan pekerja akan diberi kepada agensi terbabit secara langsung dalam krisis COVID-19 seperti Kementerian Kesihatan (KKM).

Pengerusi SPA, Tan Sri Zainal Rahim Seman, berkata pengambilan membabitkan seramai 22,000 calon setiap tahun dengan 13,000 hingga 15,000 adalah kakitangan tetap.

“COVID-19 tidak mempengaruhi kekosongan jawatan yang ada dalam perkhidmatan awam, dan SPA membekalkan pekerja setiap tahun bagi keperluan jabatan.

“Jika mereka memerlukan lebih ramai kakitangan, doktor atau jururawat di hospital, kami akan meneliti cadangan mereka dan berusaha mengisinya (jawatan),” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Pusat Temu Duga SPA di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar), di sini, semalam.

Pusat itu dibuka dengan kerjasama Kementerian Kewangan, Kerajaan Pulau Pinang dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

Ia dilengkapi empat bilik temu duga dengan satu daripadanya untuk temu duga secara dalam talian.